Tan Boon Pun dan satu lagi lwn Tung Pao Sdn Bhd dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO D3–22–1409 TAHUN 2002
ZULKEFLI H
2 DISEMBER 2002

Acara Sivil *— Injunksi — Injunksi, permohonan untuk — Injunksi untuk menghalang defendan-defendan dari meluluskan resolusi untuk mengosongkan jawatan yang dipegang oleh plaintif-plaintif sebagai pengarah-pengarah — Sama ada terdapat persoalan-persoalan bona fide yang serius untuk dibicarakan — Sama ada ganti rugi adalah pampasan yang mencukupi — Imbangan kemudahan*

Syarikat dan Korporat *— Pengarah-pengarah — Pemecatan — Permohonan injunksi untuk menghalang pemecatan — Sama ada mahkamah boleh memberikan injunksi untuk menghalang pemecatan pengarah — Sama ada terdapat persoalan-persoalan bona fide yang serius untuk dibicarakan — Sama ada ganti rugi adalah pampasan yang mencukupi — Imbangan kemudahan*

Ini merupakan permohonan plaintif untuk satu injunksi menahan defendan-defendan daripada, antara lain, meluluskan sebarang resolusi untuk mengosong jawatan yang dipegang oleh plaintif sebagai pengarah defendan pertama hingga keenam dan mengganggu plaintif-plaintif dalam melaksanakan tugas mereka sebagai pengarah defendan pertama hingga keenam. Defendan pertama hingga keenam merupakan subsidiari defendan ketujuh ('Warisan').

Diputuskan menolak permohonan plaintif-plaintif:

(1) Tiada persoalan-persoalan bona fide yang telah dikemukakan oleh pihak plaintif-plaintif yang perlu dibicarakan. Tiada bukti kukuh mengenai dakwaan plaintif bahawa perlantikan pengarah tambahan kepada lembaga pengarah subsidiari Warisan merupakan satu kemungkiran etika korporat dan tidak telus. Perlantikan pengarah-pengarah tambahan tersebut bukanlah satu perlantikan yang bertentangan dengan undang-undang. Menurut peruntukan s 147(6) Akta Syarikat 1965, Warisan sebagai syarikat induk boleh bertindak secara sah untuk melantik pengarah tambahan tersebut. Mahkamah juga mendapati bahawa plaintif-plaintif bukannya disingkir daripada jawatan pengarah, tetapi mereka telah tidak dilantik semula (lihat ms 74C–H).

(2) Sekiranya plaintif-plaintif disingkirkan, undang-undang adalah jelas bahawa mahkamah tidak akan memberi suatu perintah injunksi untuk menghalang pemberhentian seseorang pengarah syarikat bertentangan dengan kehendak majoriti pemegang saham. Jika penyingkiran plaintif-plaintif dibuat melalui resolusi yang disahkan oleh sebilangan besar pemegang saham dan

penyingkiran dibuat dengan mematuhi artikel dan tata urusan syarikat, mahkamah tidak nampak bagaimana ia boleh campur tangan dalam mengembalikan status quo plaintif-plaintif dengan menahan sebarang resolusi diluluskan bagi penyingkiran mereka (lihat ms 74H–75B); *Fong Poh Yoke & Ors v The Central Construction Company (Malaysia) Sdn Bhd* [1998] 4 CLJ Supp 112 dirujuk.

(3) Dakwaan 'bad faith' terhadap defendan-defendan dalam tidak melantik semula plaintif-plaintif adalah tidak relevan dalam menentukan sama ada pemegang-pemegang saham telah bertindak dengan betul dan berpatutan untuk melantik semula atau menyingkirkan plaintif-plaintif. Seseorang pemegang saham tidak mempunyai tanggungjawab untuk melantik semula seorang pengarah dan motif mereka dalam tidak melantik semula pengarah tersebut tidak boleh dipersoalkan oleh pengarah berkenaan (lihat ms 75B–D).

(4) Sekiranya terdapat persoalan-persoalan yang serius yang perlu dibicarakan, mahkamah berpendapat ganti rugi kepada plaintif-plaintif adalah satu remedi yang mencukupi. Kedua-dua plaintif tidak akan mengalami kerugian akibat permohonan mereka ini ditolak. Sebaliknya Warisan akan mengalami kehilangan dan kerugian yang tidak boleh dipampaskan lagi memandangkan Warisan dipaksa mengekalkan plaintif-plaintif sebagai pengarah-pengarah bertentangan dengan kehendaknya (lihat ms 75E–H).

(5) Imbangan kemudahan atau 'balance of convenience' lebih memihak kepada defendan-defendan supaya perintah injunksi ini tidak diberikan. Tidak terdapat keadaan-keadaan yang istimewa bagi mahkamah membenarkan permohonan plaintif-plaintif (lihat ms 75I–76A).

[English summary

This was the plaintiff's application for an injunction to restrain the defendants from, inter alia, passing any resolutions to vacate the positions held by the plaintiffs as the directors of the first to the sixth defendants and interfering with the plaintiffs in discharging their duties as the directors of the first to the sixth defendants. The first to the sixth defendants were the subsidiaries of the seventh defendant.

Held, dismissing the plaintiffs' application:

(1) The plaintiffs did not raise any serious bona fide issues to be tried. There was no basis to the plaintiff's allegation that the appointment of additional directors to the board of directors of Warisan's subsidiaries was a breach of corporate ethics and not transparent. The appointment of the additional directors was not

an appointment which contravened the law. Pursuant to s 147(6) of the Companies Act 1965, Warisan as the holding company was entitled to appoint the said additional directors. The court also found that the plaintifs were not sacked from their post, but was not re-appointed (see p 74C–H).

(2) Even if the plaintiffs were dismissed, the court would grant an injunction to restrain the dismissal of a director if that was the intention of the majority shareholders. If the dismissal of the plaintiffs was made through a resolution that was endorsed by the majority shareholders and the dismissal complied with the articles of the company, the court could not find how it could interfere in maintaining the status quo of the plaintiffs by restraining any resolution to dismiss the plaintiffs (see pp 74H–75B); *Fong Poh Yoke & Ors v The Central Construction Company (Malaysia) Sdn Bhd* [1998] 4 CLJ Supp 112 referred.

(3) The allegation of bad faith towards the defendants in not re-electing the plaintiffs was not relevant in considering whether the shareholders had acted reasonably in re-electing or dismissing the plaintiffs. A shareholder had no obligation to re-appoint a director and his motive in not re-appointing that director could be questioned by the director concerned (see p 75B–D).

(4) Even if the plaintiffs had established that there were serious questions to be tried, damages would be an adequate remedy. The plaintiffs would not suffer any loss in the event their application was dismissed. On the other hand, Warisan would suffer losses and damages that could not be compensated since Warisan would be forced to maintain the plaintiffs as its directors which was against its wishes (see p 75E–H).

(5) The balance of convenience was in favour of the defendant for the application not to be allowed. There were also no special circumstances for the court to allow the plaintiffs' application (see pp 75I–76A).]

Nota-nota

Untuk kes-kes permohonan untuk injunksi, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan-perenggan 2611–2612.

Untuk kes-kes pemecatan pengarah, lihat 3 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2000 Reissue) perenggan-perenggan 245–255.

Kes-kes yang dirujuk

American Cynamid Co v Ethicon Ltd [1975] AC 396 (dirujuk)

Fong Poh Yoke & Ors v The Central Construction Co (Malaysia) Sdn Bhd [1998] 4 CLJ Supp 112 (dirujuk)

Keet Gerald Francis Noel John v Mohd Noor bin Abdullah & Ors [1995] 1 MLJ 193 (dirujuk)

A *Tri-Circle Investment Pte Ltd, Re* [1993] 2 SLR 523 (dirujuk)
Tuan Hj Ishak bin Ismail & Ors v Leong Hup Holdings Bhd and other appeals [1996] 1 MLJ 661 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

B Akta Syarikat 1965 s 147(6)

Walter Pereira (*Kamarudin & Partners*) bagi plaintif-plaintif.
Wong Choong Wan (*Wong Chee Lin* bersama beliau) (*Skrine & Co*) bagi defendan pertama hingga ketujuh.
Lim Kian Leong (*Lim Kian Leong & Co*) bagi defendan kelapan.

C

Zulkefli H: Melalui permohonan saman dalam kamar di lampiran (3) pihak plaintif memohon suatu perintah injunksi atas terma-terma yang boleh dirumuskan seperti berikut:

D (a) Defendan-defendan dihalang dari meluluskan apa-apa resolusi untuk mengosongkan jawatan yang dipegang oleh plaintif-plaintif sebagai pengarah-pengarah dalam syarikat-syarikat defendan 1 hingga 6.

(b) Defendan-defendan ditegah daripada mengganggu plaintif-plaintif daripada menjalankan tugas-tugas mereka sebagai pengarah dalam syarikat-syarikat defendan 1 hingga 6.

E

Pihak plaintif dalam alasan permohonannya di antara lain telah mengemukakan fakta-fakta, hal keadaan dan dakwaan terhadap pihak defendan seperti berikut:

(1) Plaintif 1 Tan Boon Pun adalah pengarah dalam syarikat defendan ketujuh iaitu Warisan TC Holdings Bhd ('Warisan').

F

(2) Plaintif 1 adalah pemilik saham Warisan secara tidak langsung kerana hubungan beliau dengan saham-saham yang dipegang di Tan Chong Consolidated Sdn Bhd ('TCC').

(3) TCC memegang keseluruhan saham sebanyak 42.64% dan Warisan memegang saham sebanyak 22.64% dan subsidiarinya iaitu Prasand Ltd memegang 20.0%.

G

(4) Plaintif dan keluarganya memiliki 44.6% daripada keseluruhan saham TCC manakala keluarga defendan 8 Tan Heng Chew memiliki 55.4% dari saham TCC. TCC adalah yang mengawal pemegang saham Warisan dan defendan 8 merupakan ketua majoriti saham.

H

(5) Hubungan antara keluarga plaintif dan keluarga defendan 8 sebagai pemegang-pemegang saham di TCC adalah satu quasi-perkongsian yang terjalin akibat satu kepercayaan, persefahaman dan keyakinan.

(6) Pertikaian keluarga muncul pada September 1999 dan pada bulan Mei 2001, satu petisyen penggulungan difailkan oleh keluarga plaintif

I untuk menggulungkan TCC yang difailkan di Mahkamah Tinggi Dagang 2, Kuala Lumpur dalam Guaman No 02–28–507–2001. Petisyen penggulungan itu telah dibatalkan oleh mahkamah atas

permohonan keluarga defendan dan plaintif kini membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan. A

(7) Pada Mei 2002 keluarga plaintif telah failkan satu lagi petisyen penggulungan untuk menggulung TCC dengan alasan equiti dan fakta-fakta perkembangan baru. Petisyen penggulungan ini difailkan di Mahkamah Tinggi Dagang 3, Kuala Lumpur dalam Guaman No D3–28–467–02. B

(8) Keluarga defendan 8 telah menggunakan lembaga pengarah untuk mengeluarkan bapa plaintif dari lembaga pengarah Tan Chong Group of Public Companies pada Mesyuarat Am Tahunan pada 29 Mei 2002. C

(9) Percubaan untuk mengeluarkan plaintif dari lembaga pengarah Warisan gagal sebab keluarga plaintif berjaya mendapatkan perintah ex parte mahkamah untuk memisahkan syer undian TCC melalui cara dua proksi.

(10) Defendan 8 kini cuba untuk mengeluarkan plaintif sebagai pengerusi subsidiari-subsidiari Warisan iaitu syarikat defendan 1 (Tung Pao Sdn Bhd), syarikat defendan 2 (Tan Chong Apparels Sdn Bhd) dan syarikat defendan 4 (Mayflower Acme Tours Sdn Bhd). D

(11) Plaintif telah memohon injunksi tetapi perkara ini telah diselesaikan di luar mahkamah dan plaintif kekal sebagai pengerusi dalam anak-anak syarikat itu. E

(12) Kedudukan plaintif dalam syarikat-syarikat defendan 1, 2 dan 4 adalah sebagai pengerusi dan pengarah-pengarah syarikat itu dan telah menjalankan tugasnya. Plaintif 2 pula adalah pengarah eksekutif syarikat-syarikat defendan 1, 2 dan 6. Sepanjang penglibatan kedua-dua mereka dalam anak-anak syarikat itu banyak kejayaan dicapai. F

(13) Defendan 1 adalah prinsipal bagi keluaran alat kosmetik dari Jepun iaitu Shiseido. Sepanjang penglibatan plaintif sebagai pengerusi syarikat defendan 1, banyak pencapaian dan kejayaan dicapai dalam pengedaran barangan Shiseido. G

(14) Walau bagaimanapun pada 26 Jun 2002, Shiseido telah memberi notis kepada syarikat defendan 1 mengenai 'non renewable' perjanjian pengedaran distribusi eksklusif antara defendan dan Shiseido Jepun.

(15) Pada 3 Julai 2002, Warisan dan syarikat defendan 1 iaitu Tung Pao Sdn Bhd telah menyaman plaintif, syarikat defendan 2, Shiseido Asia Pacific Ltd, Shiseido Co Ltd dan dua dari pengarahnya. H

(16) Pada 6 Ogos 2002 plaintif 1 telah memfailkan tindakan derivative melalui tuntutan balas terhadap Warisan dan semua pengarahnya termasuk dua orang pengarah yang tidak dilantik semula pada AGM Warisan pada 29 Mei 2002. Pada hari yang sama juga satu mesyuarat lembaga pengarah telah berlangsung dan surat rayuan ditujukan kepada Shiseido. I

(17) Defendan 8 telah menggagalkan prospek untuk mendapatkan kembali hak pengedaran Shiseido dengan menyaman prinsipal syarikat defendan 1 iaitu Shiseido Jepun. Defendan 8 juga telah menyebabkan pengeluaran plaintif dan ketidak undian semula plaintif ke dalam anak-anak syarikat Warisan di dalam Mesyuarat Am Tahunan yang lalu.

(18) Pada mesyuarat lembaga pengarah pada 29 Jun 2002, seorang pengarah bukan eksekutif En Ismail Rautin bin Ismail telah dilantik sebagai wakil korporat Warisan dengan otoriti untuk menandatangani AGM 2002 bagi anak-anak syarikat Warisan.

(19) Walaupun plaintif 1 tidak diundi semula ke dalam lembaga pengarah syarikat defendan 1, 2, 3 dan 5 tetapi pengeluaran plaintif 1 adalah disebabkan oleh defendan 8. Dendam defendan 8 terhadap plaintif 1 semakin jelas dengan perlantikan empat pengarah tambahan di Mesyuarat Agung Tahunan Luarbiasa syarikat defendan 1 pada 22 Ogos 2002. Ini menjadikan ahli lembaga pengarah syarikat defendan 1 menjadi enam orang.

(20) Artikel 25 syarikat memperuntukkan bahawa 1/3 dari ahli lembaga pengarah syarikat pada waktu ini untuk seketika harus bersara daripada jawatannya. Plaintif 1 dan 2 telah dikeluarkan tanpa pengundian semula. Keadaan yang sama juga berlaku kepada syarikat-syarikat defendan 2, 3 dan 5.

(21) Di dalam mesyuarat tahunan Warisan, plaintif 1 telah dilantik semula sebagai pengarah Warisan dengan undian 58.9%. Jika undi dari dua keluarga ini tidak diambil kira, plaintif telah dilantik semula sebagai pengarah melalui undi 95% dari pemegang-pemegang saham.

(22) Penyingkiran plaintif 1 dari lembaga pengarah anak-anak syarikat Warisan adalah bertentangan dengan kehendak dan sentimen pemegang-pemegang saham Warisan. Tiada sebarang alasan diberi oleh lembaga pengarah mengapa plaintif-plaintif disingkirkan dari lembaga pengarah anak-anak syarikat Warisan kecuali berdasarkan komen yang diberi oleh YA Hakim di dalam keputusannya di dalam Guaman No D2–28–507–2001.

(23) Perlantikan pengarah-pengarah baru bagi anak-anak syarikat Warisan adalah melanggar etika korporat. Terdapat pertemuan sulit di antara wakil-wakil korporat dan pengarah-pengarah untuk menjalankan arahan defendan 8. Tiada sebarang mesyuarat lembaga pengarah diadakan yang membincangkan mengenai perlantikan pengarah-pengarah baru bagi anak-anak syarikat Warisan.

(24) Penyingkiran plaintif 1 dan 2 sebagai ahli lembaga pengarah Warisan dan syarikat defendan 1 dibuat kerana terdapat tindakan undang-undang yang diambil terhadap plaintif 1 dan 2 oleh Warisan dan syarikat defendan 1 atas alasan konspirasi dan penipuan (fraud).

(25) Beberapa orang telah dilantik oleh Warisan dan dinaikkan pangkat melangkau pengarah subsidiari yang sesuai dalam kumpulan Warisan. Plaintif 2 telah diturunkan taraf sebagai seorang pengurus besar dan

dipindahkan dari syarikat defendan 1 ke syarikat defendan 2 dan terpaksa melaporkan diri kepada seorang yang suatu ketika dahulu merupakan kakitangan bawahannya. A

Keputusan

Setelah mengkaji afidavit-afidavit yang difailkan oleh pihak plaintif-plaintif dan pihak defendan-defendan dan setelah mengkaji hujah-hujah peguam plaintif-plaintif dan peguam defendan-defendan 1 hingga 7 dan peguam defendan 8, saya menolak dengan kos permohonan plaintif-plaintif di lampiran (3). B

Dalam menolak permohonan pihak plaintif ini dengan berpandukan prinsip undang-undang berhubung dengan pemberian sesuatu perintah injunksi interlokutori seperti yang digariskan dalam kes *American Cynamid Co v Ethicon Ltd* [1975] AC 396 dan kes tempatan *Keet Gerald Francis Noel John v Mohd Noor bin Abdullah & Ors* [1995] 1 MLJ 193, saya mendapati tiada persoalan-persoalan serius atau isu-isu serius bona fide yang telah dikemukakan oleh pihak plaintif-plaintif yang perlu dibicarakan. Pihak plaintif-plaintif telah mempertikaikan keesahan perlantikan pengarah-pengarah tambahan kepada lembaga pengarah anak-anak syarikat kepada syarikat induk Warisan atas alasan perlantikan pengarah-pengarah tambahan ini melanggar etika korporat dan ketidak telusan kerana terdapat pertemuan sulit di antara wakil korporat dan pengarah-pengarah tertentu untuk melaksanakan arahan defendan 8. Dalam hal perkara ini, saya mendapati ianya adalah dakwaan semata-mata oleh pihak plaintif kerana tiada asas-asas atau butir-butir bukti kukuh yang telah dikemukakan. Saya juga mendapati bahawa perlantikan pengarah-pengarah tambahan tersebut tidak didakwa oleh pihak plaintif sebagai bertentangan dengan undang-undang ataupun melanggar peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965. Adalah perlu dinyatakan di sini bahawa syarikat-syarikat subsidiari pihak defendan yang berkenaan dalam kes ini adalah sepenuhnya milikan Warisan dan pengarah-pengarah dalam syarikat-syarikat subsidiari ini adalah dipilih sendiri sebagai pengarah oleh Warisan. Dalam hal perkara ini, saya berpendapat tidak ada seorang pengarah pun boleh menuntut seperti yang dibuat oleh plaintif-plaintif sekarang, bahawa mereka mempunyai hak untuk kekal sebagai pengarah dalam syarikat-syarikat subsidiari tersebut. C D E F G

Walau apapun saya mendapati perlantikan pengarah-pengarah tambahan ini bukanlah merupakan satu perlantikan yang bertentangan dengan undang-undang. Mengikut peruntukan s 147(6) Akta Syarikat 1965, Warisan sebagai syarikat induk (holding company) boleh bertindak secara sah untuk membuat perlantikan ke atas pengarah-pengarah tambahan tersebut. Saya mendapati bahawa plaintif pertama dan plaintif kedua bukannya disingkir daripada jawatan pengarah tetapi mereka telah tidak dilantik semula. H

Saya juga mendapati sekiranya plaintif-plaintif dikatakan telah disingkirkan atau diberhentikan, saya masih berpendapat bahawa undang-undang adalah jelas bahawa mahkamah tidak akan memberi suatu perintah injunksi untuk menghalang pemberhentian seseorang pengarah syarikat I

A bertentangan dengan kehendak majoriti pemegang-pemegang saham. Jika penyingkiran plaintif 1 dan plaintif 2 daripada lembaga pengarah syarikat-syarikat defendan 1 hingga defendan 6 dibuat melalui resolusi yang disahkan oleh sebilangan besar pemegang-pemegang sahamnya di dalam mesyuarat agong dan penyingkiran itu dibuat dengan cara mematuhi artikel dan tata urusan syarikat, saya tidak nampak bagaimana mahkamah ini boleh
B campur tangan dalam mengembalikan status quo plaintif-plaintif dengan cara menahan sebarang resolusi diluluskan bagi penyingkiran mereka (sila lihat kes *Fong Poh Yoke & Ors v The Central Construction Company (Malaysia) Sdn Bhd* [1998] 4 CLJ Supp 112).

Saya juga mendapati bahawa dakwaan 'bad faith' yang didakwa oleh
C plaintif-plaintif terhadap defendan-defendan dalam tidak melantik mereka semula adalah tidak relevan dalam menentukan sama ada pemegang-pemegang saham telah bertindak secara betul dan berpatutan untuk melantik semula atau menyingkirkan mereka. Pemegang-pemegang saham tidak mempunyai tanggungjawab untuk melantik semula seorang pengarah dan motif mereka untuk tidak berbuat demikian tidak boleh dipersoalkan
D oleh pengarah yang berkenaan. Seterusnya, persoalan 'bad faith' adalah merupakan perkara yang berhubung dengan 'natural justice'. Walau bagaimanapun adalah jelas bahawa konsep 'natural justice' tidak terpakai kepada undang-undang syarikat di mana undang-undang dan peraturan-peraturan yang spesifik adalah diterima pakai terutamanya dalam hal
E keadaan kes di mana isu perlantikan semula pengarah-pengarah timbul di mana pemegang-pemegang saham mempunyai hak kuasa sendiri untuk menentukan bagaimana untuk mengundi (sila lihat kes *Tuan Haji Ishak bin Ismail & Ors v Leong Hup Holdings Sdn Bhd & other appeals* [1996] 1 MLJ 661.

Sekiranya boleh dikatakan terdapat persoalan-persoalan serius yang
F perlu dibicarakan telah dikemukakan oleh pihak plaintif-plaintif, saya masih berpendapat ganti rugi kepada plaintif-plantif adalah suatu remedi yang mencukupi. Setakat kini, pihak plaintif tidak mengalami apa-apa kerugian. Plaintif pertama tiada memegang apa-apa jawatan eksekutif dalam lembaga pengarah syarikat-syarikat subsidiari yang berkenaan dan kedua-dua plaintif tidak menerima apa-apa bayaran fee pengarah menduduki dalam
G lembaga pengarah syarikat-syarikat subsidiari tersebut. Dengan itu kedua-dua plaintif tidak akan mengalami kehilangan pendapatan ataupun kerugian akibat permohonan mereka di sini jika ditolak. Sebaliknya, Warisan sebagai syarikat induk dan pemegang saham sepenuhnya dalam syarikat-syarikat subsidiari tersebut mempunyai hak dan kuasa untuk
H menentukan siapa yang ianya mahu dilantik sebagai pengarah dalam lembaga pengarah syarikat-syarikat subsidiari tersebut. Jika perintah injunksi yang dipohon oleh plaintif ini diberi oleh mahkamah ini, Warisan akan mengalami kehilangan dan kerugian yang tidak boleh dipampaskan lagi memandangkan Warisan dipaksa mengekalkan plaintif-plaintif sebagai pengarah-pengarah bertentangan dengan kehendaknya.

I Saya seterusnya mendapati di atas imbangan kemudahan atau 'balance of convenience' ianya lebih memihak kepada pihak defendan-defendan supaya perintah injunksi ini tidak diberikan kepada plaintif-plaintif. Saya

mendapati tiada terdapat keadaan-keadaan yang istimewa bagi mahkamah ini membenarkan permohonan plaintif-plaintif. Adalah jelas berasaskan fakta-fakta dan hal keadaan kes ini, pihak plaintif sedang mengalami dan melalui suatu perhubungan yang menyulitkan dan menyusahkan dengan pengarah-pengarah Warisan sebagai syarikat induk kepada syarikat-syarikat defendan 1 hingga defendan 6. Pihak plaintif secara terbuka mengakui bahawa mereka telah bertindak mengambil tindakan guaman terhadap sebilangan daripada syarikat-syarikat defendan dan pengarah-pengarah Warisan. Plaintif-plaintif juga mengakui mereka telah diambil tindakan guaman oleh Warisan dan syarikat-syarikat defendan yang berkenaan. Dalam keadaan hal yang sedemikian, ianya boleh dianggap bahawa dalam mana-mana mesyuarat lembaga pengarah syarikat-syarikat defendan yang berkenaan yang diadakan pihak plaintif dan pihak defendan-defendan akan sentiasa bertelagah serta bertentangan pendapat dan tindakan. Oleh itu adalah pendapat saya bahawa pihak defendan-defendan tidak mempunyai, obligasi untuk mengekalkan plaintif-plaintif sebagai pengarah memandangkan adalah untuk kepentingan syarikat bahawa ahli-ahli lembaga pengarahnya hendaklah mengandungi individu-individu yang boleh berkerjasama secara harmoni (sila lihat kes *Re Tri-Circle Investment Pte Ltd* [1993] 2 SLR 523).

Permohonan plaintif ditolak.

Dilaporkan oleh Lim Lee Na